

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**PROF. DR. D KAMARUDIN D MUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM ADVOKASI  
ILMU ‘MEMPERKASAKAN INTEGRITI INDUSTRI HALAL’**

**16 OGOS 2017 | 12.30 TENGAH HARI  
BILIK SEMINAR  
FAKULTI SAINS MAKANAN DAN PEMAKANAN**

## **Salutasi**

- 1.YBrs. Prof. Dr. Sharifudin Md Shaarani,  
Dekan, Fakulti Sains Makanan dan  
Pemakanan, UMS
- 2.En. Mohamad Kori Jusoh, Wakil Pengarah,  
Bahagian Hab Halal JAKIM
- 3.Ustaz Mohamad Sidek Hj. Ag. Adi, Timbalan  
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam  
Negeri Sabah
- 4.YBhg. Haji Mat Radzi bin Haji Mat Ali,  
Pengarah JAKIM Cawangan Sabah
- 5.Pegawai-pegawai Utama dan Kanan UMS

- 6.Dekan-dekan Fakulti
- 7.Pengarah-pengarah Institut dan Pusat
- 8.Para jemputan
9. Sahabat Media UMS
10. Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...  
Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Sehati  
Sejiwa.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Majlis Perasmian Program Advokasi Ilmu ‘Memperkasakan Integriti Industri Halal’ anjuran bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Sabah (MUIS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). Tahniah saya ucapkan kepada jawatankuasa pelaksana yang berjaya menjalin kerjasama bagi menzahirkan majlis pada hari ini.

Saya percaya, semua peserta akan beroleh manfaat dan ilmu, seiring dengan tujuan program ini dianjurkan.

### **Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian**

Pembangunan industri halal merupakan salah satu daripada agenda negara yang telah berkembang mantap di dunia, dan Malaysia telah menjadi pusat rujukan global untuk kepakaran dalam bidang halal.

Negara kita mempunyai ekosistem halal yang kondusif untuk pembangunan industri halal dan ini perlu terus diberi penekanan kerana potensi pasaran global yang luas dan permintaan yang sentiasa meningkat.

Berdasarkan laporan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), pada tahun 2015 nilai eksport produk halal telah meningkat 4.5 peratus kepada RM39.4 bilion berbanding dengan RM37.7 bilion pada tahun 2014.

Destinasi utama untuk eksport produk halal adalah negara seperti China, Singapura, Amerika Syarikat, Indonesia dan Jepun. Melihat kepada peluang ini, industri tempatan khasnya di Sabah seharusnya mengambil inisiatif untuk mengukuhkan pembangunan kapasiti dalam kalangan pengeluar dan pengeksport Malaysia.

Justeru, penganjuran program pada hari ini merupakan langkah tepat bagi menyediakan platform untuk menemukan dan mewujudkan peluang kerjasama antara UMS, JAKIM, MUIS, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan para pengusaha industri dalam memperkasakan industri halal terutamanya di Sabah.

Adalah diharapkan dengan perkongsian kepakaran dan pengalaman agensi-agensi yang terlibat dalam program ini dapat memberi rangsangan dan keyakinan kepada para pengusaha industri bahawa industri halal memberi pulangan yang lumayan dan seharusnya dipelopori oleh semua pihak.

## **Hadirlin dan hadirat sekalian**

Usaha untuk menjenamakan Universiti Malaysia Sabah sebagai pusat rujukan setempat berkenaan bidang halal di Borneo telahpun bermula sejak tahun 2010. Pelbagai inisiatif telah dilakukan untuk menyokong usaha-usaha penerbitan, promosi serta pengkomersialan produk halal tempatan terutamanya ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Satu kerjasama antara UMS dan pusat penyelidikan di China, Heilongjiang Academy of Science (HAS) telah mendapat pengiktirafan Pensijilan Halal Malaysia untuk dua produk iaitu *Black Garlic* dan *Black Fungus*. Kerjasama ini melakar sejarah apabila UMS menjadi universiti pertama melalui anak syarikatnya, UMS Investment Holdings Sdn. Bhd. (UiNVEST) berjaya memperoleh pengiktirafan Sijil Halal Malaysia dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Perkongsian pintar seumpama ini perlu diperbanyakkan lagi supaya universiti dapat membantu meningkatkan pengeluaran dan pemasaran pelbagai produk industri tempatan.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak pengajur dan para peserta yang telah menjayakan program ini. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Program Advokasi Ilmu ‘Memperkasakan Integriti Industri Halal’.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh